

**KARNIVAL BOLASEPAK FELDA 9 SEPASUKAN
8 HINGGA 10 NOVEMBER 2019
STADIUM TUN ABDUL RAZAK, JENGKA, PAHANG**

PERATURAN AM PERTANDINGAN

1. NAMA

Kejohanan ini dinamakan **Karnival Bolasepak FELDA 9 SEPASUKAN**.

2. PENGELOLA

Karnival Bolasepak FELDA 9 SEPASUKAN ini dikelolakan oleh FELDA dan Kelab Bolasepak Felda United dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM), Jengka.

3. PENYERTAAN

3.1 Penyertaan terbuka kepada kategori lelaki sahaja.

3.2 Kategori umur yang dipertandingakan ialah

- i. **Bawah 18 tahun – Lahir pada tahun 2001 dan selepasnya**
- ii. **Bawah 15 tahun – Lahir pada tahun 2004 dan selepasnya**
- iii. **Bawah 12 tahun - Lahir pada tahun 2007 dan selepasnya**

4. PENDAFTARAN PEGAWAI DAN PEMAIN PASUKAN

4.1 Bilangan Pendaftaran Pegawai dan Pemain ialah seperti berikut :

KATEGORI UMUR	PEGAWAI	PEMAIN
BAWAH 12 TAHUN		
BAWAH 15 TAHUN	Maksima : Tiga (3) orang	Maksima : Lima belas (15) orang
BAWAH 18 TAHUN		

4.2 Borang Penyertaan dan Borang Pendaftaran Pegawai dan Pemain Pasukan

4.2.1 Setiap pasukan hendaklah menghantar **Borang Penyertaan kepada Sekretariat Pertandingan bersama-sama dengan yuran penyertaan sebanyak RM200 sebelum tarikh tutup penyertaan iaitu pada 25 Oktober 2019 (Jumaat)**. Borang Penyertaan yang tidak disertakan bersama-sama dengan bukti bayaran yuran penyertaan akan ditolak. Bayaran yuran penyertaan tidak akan dikembalikan kepada pasukan

4.2.2 Bayaran boleh dibuat melalui **FUFC THE FIGHTERS SDN BHD** (Maybank) **No. akaun 5628 3464 7747**.

**KARNIVAL BOLASEPAK FELDA 9 SEPASUKAN
8 HINGGA 10 NOVEMBER 2019
STADIUM TUN ABDUL RAZAK, JENGKA, PAHANG**

- 4.3 Borang Pendaftaran Pegawai dan Pemain Pasukan hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada **8 November 2019 (Jumaat) jam 8.00 pagi**.
- 4.4 Semua pasukan diwajibkan menggunakan borang-borang yang dikeluarkan oleh pihak sekretariat pertandingan:
- Borang Penyertaan;
 - Borang Pendaftaran Pegawai dan Pemain Pasukan;
 - Borang Bantahan.

5. PADANG PERLAWANAN

- 5.1 Padang bagi perlawanan sepanjang karnival adalah seperti berikut:

KATEGORI	LOKASI	UKURAN PADANG
Bawah 12 tahun	Stadium Tun Abdul Razak	Separuh padang stadium (68m x 45m)
Bawah 15 tahun	Padang SMK Jengka Pusat	FIFA best practice (105m x 68m)
	Padang SMK Desa Jaya	
Bawah 18 tahun	Padang Pusat Sukan UiTM Jengka	
	Padang Kompleks Sukan UiTM Jengka	

- 5.2 Sebarang perubahan padang perlawanan akan dimaklumkan oleh Sekretariat dari masa ke semasa.
- 5.3 Semua perlawanan akhir akan dilangsungkan di Stadium Tun Abdul Razak.

**KARNIVAL BOLASEPAK FELDA 9 SEPASUKAN
8 HINGGA 10 NOVEMBER 2019
STADIUM TUN ABDUL RAZAK, JENGKA, PAHANG**

6. MASA PERLAWANAN

6.1 BAWAH 18 TAHUN DAN BAWAH 15 TAHUN

PERLAWANAN	TEMPOH MASA
PERINGKAT KUMPULAN & PUSINGAN KEDUA	10 minit x 2 minit (rehat) x 10 minit
SUKU AKHIR, SEPARUH AKHIR & AKHIR	15 minit x 5 minit (rehat) x 15 minit

6.2 BAWAH 12 TAHUN

PERLAWANAN	TEMPOH MASA
PERINGKAT KUMPULAN, PUSINGAN KEDUA, SUKU AKHIR, SEPARUH AKHIR & AKHIR	10 minit x 2 minit (rehat) x 10 minit
TEMPAT KE-3 & KE-4 AKHIR	15 minit x 5 minit (rehat) x 15 minit

7. FORMAT PERTANDINGAN

- 7.1 Pertandingan akan dijalankan secara liga satu pusingan bagi peringkat kumpulan dan kalah mati.
- 7.2 Pecahan kumpulan akan dilakukan melalui proses undian. Jumlah kumpulan akan ditentukan oleh pihak sekretariat mengikut jumlah penyertaan pasukan yang diterima.
- 7.3 Format 4 Kumpulan dengan 16 penyertaan pasukan:
- 7.3.1 Pasukan akan dibahagikan kepada 4 kumpulan;
 - 7.3.2 Pertandingan akan dijalankan secara liga satu pusingan peringkat kumpulan;
 - 7.3.3 Pusingan kalah mati bermula dengan suku akhir (johan dan naib johan kumpulan), separuh akhir dan akhir.
- 7.4 Format 8 Kumpulan dengan 32 pasukan:
- 7.4.1 Pasukan akan dibahagikan kepada 8 kumpulan;
 - 7.4.2 Pertandingan akan dijalankan secara liga satu pusingan peringkat kumpulan;
 - 7.4.3 Pusingan kalah mati bermula dengan pusingan kedua atau 16 pasukan terbaik (johan dan naib johan kumpulan), suku akhir, separuh akhir dan akhir.

**KARNIVAL BOLASEPAK FELDA 9 SEPASUKAN
8 HINGGA 10 NOVEMBER 2019
STADIUM TUN ABDUL RAZAK, JENGKA, PAHANG**

7.5 **Sesi undian akan dijalankan pada 8 November 2019 jam 8.00 pagi di Stadium Tun Abdul Razak, Jengka.**

7.6 Susunan jadual pertandingan akan dilaksanakan mengikut format yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan.

8. PENANGGUHAN

8.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan sama sekali tidak boleh diminta tangguh atau dipinda oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

8.2 Jawatankuasa Pertandingan mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau meminda sesuatu perlawanan dengan diberitahu kepada pasukan terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta-merta.

8.3 Mana-mana perlawanan yang ditangguhkan, Jawatankuasa Pertandingan hendaklah menetapkan semula masa/tarikh perlawanan yang ditangguhkan itu.

9. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

9.1 Setiap pasukan diwajibkan menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan untuk perlawanan yang akan atau sedang berlangsung. Setiap pasukan dikehendaki meneruskan permainan walaupun telah layak untuk pusingan seterusnya.

10. BANTAHAN

10.1 Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis (borang bantahan) oleh Pegawai Pasukan dan diserahkan kepada Sekretariat Pertandingan dalam tempoh tidak lebih dari satu (1) jam selepas tamat perlawanan dengan disertakan wang tunai sebanyak RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja).

10.2 Wang bantahan tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan tersebut tidak diterima.

10.3 Sekiranya bantahan diterima oleh Jawatankuasa Bantahan maka wang tersebut sebanyak RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja) akan dikembalikan.

10.4 Semua bukti ke atas bantahan perlulah dikemukakan oleh pihak yang membantah kepada Jawatankuasa Bantahan.

10.5 Keputusan Jawatankuasa Pertandingan adalah **MUKTAMAD**.



**KARNIVAL BOLASEPAK FELDA 9 SEPASUKAN
8 HINGGA 10 NOVEMBER 2019
STADIUM TUN ABDUL RAZAK, JENGKA, PAHANG**

11. JAWATANKUASA BANTAHAN

- 11.1 Terdiri daripada lima (5) orang seperti berikut :
- 11.1.1 Satu (1) orang Jawatankuasa Induk dan dua (2) orang Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.
- 11.1.2 Dua (2) orang Pegawai Pasukan yang berkecuali.
- 11.2 Jawatankuasa Bantahan boleh membuat keputusan berikut:
- 11.2.1 Menerima dan menolak bantahan/rayuan
- 11.2.2 Pasukan akan dikira menang atau kalah mengikut Peraturan Teknikal.

12. HADIAH

Hadiah akan disediakan oleh pengajur untuk pemenang-pemenang Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat sahaja mengikut nilai hadiah yang telah ditetapkan.

13. PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

- 13.1 Peraturan-peraturan di atas hendaklah dipatuhi melainkan jika ada dinyatakan berlainan dalam pertandingan permainan tertentu.
- 13.2 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan Am ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Induk dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.